

25 JUN 1996

PERAK TUAN RUMAH TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39

IPOH, 25 Jun (Bernama) -- Perak dipilih sebagai tuan rumah majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-39 yang akan diadakan selama lima hari mulai 1 Nov, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Majlis itu akan diadakan di Stadium Perak di sini dan setiap negeri dijangka menghantar dua peserta -- seorang qari dan seorang qariah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan majlis itu manakala Sultan Perak Sultan Azlan Shah akan menutupnya dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Ramli telah mempengerusikan bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman mesyuarat pertama jawatankuasa induk tilawah al-Quran di sini.

Ramli berkata bersamaan dengan majlis tilawah itu, seminar al-Quran peringkat kebangsaan kali kelima akan turut diadakan selama tiga hari mulai 2 Nov di samping ekspo al-Quran.

Beliau juga berkata perbincangan akan diadakan bagi mengadakan pengangkutan percuma kepada orang ramai untuk menghadiri majlis itu.

Sementara itu, Dr Abdul Hamid mengingatkan jawatankuasa itu supaya berwaspada terhadap kemungkinan adanya usaha golongan tidak bertanggungjawab untuk menggagalkan majlis itu.

Rakyat perlu diberi kesedaran akan kebaikan program itu sebelum wujudnya golongan yang berkempen supaya orang ramai tidak menghadirinya, kata beliau. -- BERNAMA

HK NMO